

## PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

### LAWATAN KE UTHM KAMPUS PAGOH

Perbincangan bersama Ketua Pentadbir Kampus Pagoh, En. Misman Ramly berkaitan penganjuran Program Hari Bersama Pelanggan dan keperluan berkaitan aktiviti penyelidikan telah diadakan pada 25 September 2017. Selain dari meninjau lokasi yang bersesuaian untuk program yang dinyatakan, perbincangan turut menyentuh mengenai keperluan pemasangan mesin perakam waktu untuk merekod kehadiran Pembantu Penyelidik (RA) UTHM yang berada di kampus cawangan tersebut. Sehubungan itu, satu mesin perakam waktu telah ditempatkan di kaunter keselamatan di Aras 1, Bangunan Pentadbiran Kampus Pagoh. Dalam pada itu, pihak RMC merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) di atas kebenaran untuk menggunakan mesin perakam waktu PPUK.



### 'EXIT MEETING' AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015

Pada 05 September 2017 telah berlangsung 'Exit Meeting' Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 UTHM. Untuk tahun 2017, skop audit adalah merujuk kepada struktur organisasi asal Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC). Juraudit diketuai oleh Pn. Sarebah Warman, dengan diiringi tiga panel audit lain iaitu En. Izzat Sani Sewito, Dr. Fazlida Ad. Halim dan Pn. Faizah @ Rashidah Dahari. Auditee ORICC diketuai oleh Timbalan Pendaffar, Pn. Hawa Omar serta beberapa pegawai yang mewakili Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah ORICC.

### KEJOHANAN BOWLING PIALA TNCPI 2017

Kelab RICC telah berjaya menganjurkan Kejohanan Bowling Piala TNCPI 2017 pada 16 September 2017, bertempat di Batu Pahat Mall. Kejohanan ini terbuka kepada semua staf di bawah portfolio Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Terdapat tiga kategori yang telah dipertandingkan iaitu Kategori Individu Lelaki, Individu Perempuan dan Berpasukan. Selain dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kerja penyelidikan dan inovasi, program sedemikian dapat memupuk semangat kesukanan yang tinggi serta menonjolkan bakat-bakat terpendam staf.



### TAKLIMAT PEMANTAUAN GERAN PENYELIDIKAN BIL.3/2017



Pada 18 September 2017 bertempat di Makmal Auditorium, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) telah diadakan Taklimat Pemantauan Geran Penyelidikan Bil. 3/2017. Taklimat telah disampaikan oleh Dr. Aida Mustapha, Timbalan Pengarah (Pengurusan Geran Penyelidikan), RMC. Objektif taklimat adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan keperluan serta kepentingan merancang perbelanjaan geran penyelidikan dengan baik. Sasaran taklimat ini adalah kepada para penyelidik yang mana peratus perbelanjaan geran kurang daripada 50%.